

Oleh RAHMI JUMRIATI JONO  
Foto S.S.KANESAN

BUKAN semua atlet bermula dengan sukan yang diminatinya. Namun pendedahan rutin dan latihan secara berkala mampu menambah rasa cinta. Paling mengujakan apabila kecintaan itu akhirnya mengangkat empunya diri di atas podium juara.

Demikianlah perjalanan bintang pecut negara, Jonathan Nyepa, 28, yang mula menempa nama apabila meraih pingat emas pada temasya Sukan Universiti Asean (AUG) 2016 di Singapura.

Sejak pencapaian yang dilakurnya pada usia 20 tahun itu, Jonathan menyertai pelbagai kejohanan. Ia disulami dengan beberapa kemenangan dalam temasya sukan besar seperti Sukan Malaysia (Sukma), Kejohanan Olahraga Terbuka Malaysia, Sukan SEA dan baru-baru ini Sukan Asia.

#### Sokongan

Di sebalik pembikinan pelari kelahiran Sungai Asap Sarawak itu, nama legenda pecut negara, Watson Nyambek adalah individu terawal yang menemui dan mengasuh bakatnya.

Watson atau lebih dikenali dengan jolokan *The Flying Dayak* satu ketika dahulu itu pernah menjadi pemegang rekod 100 meter (m) kebangsaan apabila mencatat 10.30 saat pada 1998, selain beliau juga berpeluang beraksi di dua Sukan Olimpik iaitu di Atlanta, Amerika Syarikat (AS) pada 1996 dan Sydney, Australia (2000).

“Dulu saya tak fikir nak jadi atlet. Sebab nak belajar saja. Pada saya untuk jadi atlet perlu sokongan jika nak pergi lebih jauh termasuklah ibu bapa,” katanya yang berjinak-jinak dalam sukan larian pecut sejak di bangku sekolah menengah sebelum mewakili di peringkat negeri.

Menurut Jonathan, selepas menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia, beliau dipanggil oleh Watson untuk latihan bagi Sukma Perlis 2014, sebelum mendapat tawaran masuk tingkatan 6 ke Sekolah Sukan Bukit Jalil.

Bermula dengan larian di trek bumi kelahiran untuk mencipta rekod peribadi sehingga melayakkan diri ke peringkat antarabangsa, graduan jurusan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu menyifatkan penyertaannya pada Sukan Asia, Oktober lalu antara kemuncak kerjayanya.

#### Kepuasan

Jonathan merupakan sebahagian daripada kuartet 4x100m lelaki di Malaysia yang beraksi di Sukan Asia Hangzhou, China bersama Khairul Hafiz Jantan, Muhammad Azeem Fahmi dan Muhammad Arsyad Md. Saat.

Walaupun penyertaan kuartet 4x100m lelaki negara dibatalkan susulan kesalahan pencerobohan lorong yang dilakukan atlet negara pada final Sukan Asia 2022 di Stadium Olimpik Hangzhou, namun ia tetap memberi kepuasan.



# Tuah Jonathan

Bintang atlet negara itu akui pernah tidak berminat jadi atlet.



Pasukan kuartet 4x100m lelaki negara (dari kiri) Khairul Hafiz, Muhammad Arsyad, Jonathan dan Muhammad Azeem pada Sukan Asia ke-19 di China, Oktober tahun lalu.

“Definisi kepuasan kepada kami ialah apabila berjaya menamatkan saisan di tangga kelima dengan catatan 39.19 saat. Malah, kami hambar memecahkan rekod kebangsaan,” ujarnya.

Bercakap mengenai acara kuartet 4x100m lelaki negara, Jonathan mengakui cukup gembira dapat menabur bakti untuk negara pada temasya Sukan Asia bersama pelari muda yang sedang meningkat naik, Muhammad Azeem.

Kesukaran bermain bersama pelari popular seperti Muhammad Azeem atau lebih mesra dengan panggilan Azeem apabila segelintir penyokong memiliki stereotaip bahawa pelari paling laju akan diletak pada

kedudukan terakhir. Senario sama terjadi kepada kuartet negara.

“Saya ada buat rancangan dengan jurulatih sama ada *second runner* atau pelari ketiga. Kedudukan pelari kena tengok juga keadaan semasa latihan ataupun kelayakan. Perkara itu tidak tetap sebab bergantung pada prestasi. Misalnya, jika Azeem cedera jadi pelari lain akan ganti.

“Kita tak boleh nak tengok satu bahagian tu siapa yang susah. Kadang-kadang pelari terakhir macam Azeem lawan dengan pelari lambat daripada pasukan lain. Tengok strategi pasukan lain bagaimana,” jelasnya.

Beliau turut menafikan bahawa tiada pelari kegemaran dalam pasu-

kan. Muhammad Azeem katanya, menjadi pelari keempat kerana pernah menjalani latihan di AS.

“Jika dia pelari pertama sukar untuk latihan baton. Faktanya, apabila seseorang menjadi pelari keempat, tidak bermakna dia pelari laju. Jurulatih perlu bijak,” kongsinya.

Mengulas mengenai prestasi Azeem, sebagai pelari senior, Jonathan menyifatkan prospek dari Perak itu mempunyai platform yang baik untuk menambah baik kualiti selepas beliau melanjutkan pengajian dan pembangunan kerjaya olahraganya di Universiti Auburn, AS.

#### Impian

Malah, Jonathan juga akui bahawa pernah memasang impian untuk menyertai latihan di luar negara kerana universiti di luar negara mempunyai tawaran fasiliti dan pengalaman jauh lebih baik.

“Dulu saya ada perancangan untuk berlatih di luar negara, tapi bukan mahu bersaing dengan mereka.

“Saya cuma mahu pengalaman berlatih dengan mereka yang pakar. Kita tengok orang lain lari dengan *timing best*, jadi nak merasa juga. Tapi sebab tiada peluang, jadi tak mengapalah.

“Azeem dapat kerana mencatat rekod kebangsaan iaitu 10.09 saat. Dalam dunia ini berapa orang saja mempunyai rekod seperti Azeem,” jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Jonathan kini sedang mempersiapkan diri untuk kejohanan kelayakan ke Sukan SEA edisi 2025.

Apa yang pasti, beliau ingin memecahkan rekod peribadi 10.28m yang dicatat pada 2017.